From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 3 August, 2022 1:11:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AUDIT PENARAFAN SETARA 2022 ZON UTARA SELESAI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OGOS 2022 / 5 MUHARAM 1444H
==========


"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Suhailawati Mohd. Shamsudin
Gambar Oleh: Shamsaimi Ezil

AUDIT PENARAFAN SETARA 2022 ZON UTARA SELESAI









UUM ONLINE: Hasil pengauditan penarafan SETARA bagi Universiti Utara Malaysia (UUM) memperlihatkan perkembangan positif apabila mendapat maklum balas yang agak memberangsangkan daripada juruaudit yang melaksanakan audit tersebut di universiti ini bermula semalam.

Ketua Auditor SETARA Zon Utara, Prof. Ir. Ts Dr. Vinesh Thiruchelvam semasa membuat ulasan audit di Mesyuarat Penutupan Audit Penilaian Penarafan SETARA 2022 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, pagi tadi menyatakan rasa puas hati atas kerjasama yang diberi sehingga memudahkan proses pengauditan.

“Kami amat berpuas hati dengan kerjasama diberi oleh tim universiti ini kerana semua pihak membantu memastikan data dan dokumen yang diminta dapat diberi dengan pantas.

“Disebabkan ini, tugas-tugas pengauditan dapat berjalan dengan pantas dan hasilnya proses audit dapat diselesaikan lebih awal,” ulas beliau lagi.

Menurutnya lagi, segala dapatan dan laporan audit akan diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk proses seterusnya dan dijangka keputusan audit dapat diketahui dalam bulan Oktober nanti.

Sementara itu, dalam ucapan pembukaan, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar menyatakan komitmen UUM untuk menambah baik sebarang kelemahan yang ditemui semasa audit dan akan sentiasa terbuka dengan semua teguran dan cadangan yang diberi.

Shahimi yang mewakili Naib Canselor turut berterima kasih kepada semua juruaudit terlibat atas komitmen.

Audit Penarafan SETARA membuat penilaian terhadap institusi pengajian tinggi (IPT) yang berusia lima tahun ke atas.

UUM yang dipilih menjadi hos Zon Utara pada tahun ini dikategorikan dalam 'mature university' bagi kategori universiti melebihi usia 16 tahun.

SETARA 2017 memperlihatkan pencapaian terbaik bagi UUM apabila mendapat penarafan lima bintang yang berjaya dikekalkan bagi tahun penarafan 2018/2019.

Selain UUM, IPT Zon Utara lain yang terlibat dalam penarafan SETARA tahun ini Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Albukhary International University (AIU), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan AIMST University.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed

by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.